

01 AUG 2003

MAHATHIR-KDNK/I

PM JANGKA SUKU KEDUA KDNK LEBIH BAIK DARIPADA YANG DIJANGKA

PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertumbuhan ekonomi bagi suku kedua akan lebih baik daripada yang dijangkakan, dengan itu membolehkan Malaysia mencapai sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.5 peratus pada 2003.

"Saya rasa suku kedua mungkin baik. Lebih baik daripada yang dijangkakan tetapi tidak sebaik ketika kita membuat belanjawan untuk tahun ini. Pada masa itu, kita tidak menjangkakan SARS (Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk) walaupun kita menjangkakan perang Iraq," katanya.

Beliau berkata wabak SARS tidak hanya menjejaskan prestasi Malaysia, tetapi juga kebanyakan negara Asia Timur.

Dr Mahathir berkata suku kedua KDNK sepatutnya lebih baik daripada 4.0 peratus yang dicapai pada suku pertama.

"Jika semuanya tidak berubah, kita akan mencapai 4.5 peratus (untuk tahun ini). Ianya boleh dicapai kecuali terdapat penyakit atau perang lain," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak antara kerajaan dan Gerbang Perdana Sdn Bhd.

Gerbang Perdana ialah kontraktor bagi projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) yang membabitkan pembinaan sebuah jambatan darat bagi menggantikan Tambak Johor.

Semasa ditanya mengenai defisit bagi Bajet 2003, beliau berkata kerajaan telah membuat peruntukkan bagi perbelanjaan tambahan yang diperlukan.

Beliau berkata defisit telah diumumkan manakala perbelanjaan tambahan akan tetap dalam hadnya meskipun lebih banyak daripada yang disediakan bagi Bajet 2002. -- BERNAMA

ZAI SHO TJK NHD JR